

# Garis panduan ISO 26000 beri kesan kepada ekonomi negara

KUALA LUMPUR 23 Sept. – Cadangan Garis Panduan Tanggung jawab Sosial ISO 26000 International Standardisation Organisation (ISO) akan memberi kesan kepada ekonomi Malaysia, demikian menurut Persekutuan Majikan Malaysia (MEF).

Cadangan itu mempunyai kesan serius kepada kelebihan daya saing Malaysia bagi pelaburan keluar dan masuk serta daya saing perdagangan, kata MEF dalam satu kenyataan hari ini.

“Hasrat untuk menghubungkan ISO 26000 dengan perdagangan dan pelaburan membimbangkan badan korporat Malaysia, tidak mengira jenis perniagaan dan saiz,” katanya.

Ekoran satu siri taklimat MEF mengenai cadangan garis panduan itu dan kesan ke atas perniagaan Malaysia, MEF menyatakan bahawa para majikan sebulat suara menyetujui bahawa ISO 26000 tidak patut digunakan sebagai satu instrumen untuk menafikan produk Malaysia ke pasaran antarabangsa.

“Ia juga tidak patut digunakan untuk menyekat pelaburan asing ke Malaysia atau pelaburan yang mahu ke Malaysia,” kata MEF.

Walaupun pematuhan dengan cadangan ISO 26000 itu oleh perbadanan Malaysia boleh dibuat secara sukarela, MEF berkata, ia tidak akan menyekat syarikat pelbagai negara dan yang lain daripada memastikan operasi cawangan mereka di Malaysia memenuhi sepenuhnya atau menghadapi risiko pemberhentian operasi berkenaan.

Dokumen Garis Panduan Tanggung Jawab ISO didaftarkan sebagai ISO 26000, dan kini berada pada draf peringkat ketiga untuk diterbitkan menjelang 2009.

Komen dan cadangan untuk memuktamadkan draf kerja sedang diperolehi dari semua pihak berkepentingan dan mesyuarat plenari seterusnya akan diadakan di Vienna, Austria dalam November.

Anggota majlis MEF Datuk Mohd Yusof Hitam dan Michael Chiam

Tow Hui yang terbabit dalam pembangunan garis panduan global tanggung jawab sosial sejak 2004 berkata perbincangan mengenai pengubalan ISO 26000 telah beberapa kali secara tidak langsung mempunyai persamaan dengan Prinsip “Global Compact” yang mengandungi beberapa prinsip Deklarasi Universal Hak Kemanusiaan, Konvensyen Buruh Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan Deklarasi Rasuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

“Syarikat Malaysia akan berhadapan dengan kesukaran jika prinsip dan konvensyen itu yang belum disahkan Malaysia diterima pakai sebagai rujukan biasa berasaskan garis panduan berkenaan,” kata Mohd Yusof.

“Penerimaan pakai prinsip sedemikian adalah hak istimewa kerajaan dan bukan hak majikan,” katanya, sambil menyatakan ia akan memberi kesan serius terhadap daya saing negara membangun.

– Bernama